

BOLA JARING TERBUKA FELDA CHUPING, PERLIS

Pasukan Bola Jaring Staf UniMAP dan Pelajar UniMAP telah berjaya mendapat tempat ke-3 dalam Kejohanan Terbuka Felda Chuping pada 20 Februari 2010 bertempat di Padang Awam Felda Chuping, Perlis. Sebanyak 20 pasukan telah menyertai kejohanan ini. Pasukan Staf UniMAP telah berjaya menjadi Johan Kumpulan B manakala Pasukan Pelajar menjadi Naib Johan Kumpulan C dan berjaya meneruskan perjuangan di pusingan seterusnya. Pada peringkat suku akhir, pasukan Staf UniMAP telah menewaskan pasukan Tunas Jaya dengan jaringan 12 – 9, manakala di peringkat separuh akhir, Pasukan Staf UniMAP terpaksa akur dengan kehebatan pasukan lawan, Freedom.Com yang rata-ratanya terdiri daripada pemain profesional dengan jaringan 6 – 20. Bagi peringkat suku akhir ke-2 Pasukan Pelajar UniMAP sekali lagi berjaya menewaskan pasukan Padang Sera (Kedah) dengan jaringan 8-6, dan terus mara sehingga ke peringkat separuh akhir. Semoga kejayaan ini menjadi pendorong untuk kedua-dua pasukan melipatgandakan usaha bagi mencapai hasrat sebagai johan pada masa akan datang.